

2,600 telur penyu diselamatkan di PD

UM 08/03/24 nls 34

PORT DICKSON: Sebanyak 2,600 telur penyu berjaya diselamatkan di pantai-pantai di daerah ini pada tahun lalu yang kemudian dieram sebelum dilepas kembali ke laut.

Ketua Cawangan Perikanan Tangkapan, Konservasi dan Perlindungan Perikanan, Pejabat Perikanan Negeri Sembilan, Doreen Wee Siew Leen berkata, kesemua telur penyu berkenaan diselamatkan oleh tiga pemungut telur penyu berdaftar di negeri ini atau renjer penyu dan kakitangan Hotel Glory Beach Resort yang diberi kebenaran bersyarat menjalankan peranan konservasi penyu.

"Daripada jumlah tersebut sebanyak 2,300 telur dapat menetas dan jumlah berkenaan agak tinggi, iaitu 90 peratus kadar penetasan. Kita lepaskan anak-anak penyu ini dan kebiasaannya juga penyu ini apabila ingin bertelur, penyu akan kembali ke pantai yang dilepaskan," katanya kepada pemberita selepas majlis pelancaran Kelab Pusat Penetasan Penyu Glory di sini, semalam.

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan negeri, Nicole Tan Lee Koon turut menyempurnakan simbolik pelepasan empat ekor penyu di mana dua ekor daripadanya merupakan penyu yang diselamatkan tersangkut di jaring nelayan.

Nicole Tan berkata, pusat penetasan penyu yang terdapat di hotel berkenaan merupakan antara salah satu daripada 100 produk pelancongan di pantai peranginan berkenaan yang boleh dikunjungi oleh pelancong domestik dan luar negara.

"Kita boleh menjadikan tempat ini sebagai salah satu dari pada promosi pendidikan bukan hanya kepada lebih 400 buah sekolah di negeri ini bahkan di seluruh negara."



NICOLE Tan Lee Koon melepaskan penyu sempena majlis pelancaran Kelab Pusat Penetasan Penyu Glory di Hotel Glory Beach Resort, Port Dickson, semalam. - UTUSAN/MOHD. SHAHJEHAN MAAMIN

"Melalui cara ini kita dapat mendidik masyarakat untuk berusaha melindungi spesies ini dan mempunyai kesedaran untuk melaporkan terus sekiranya ternampak telur penyu atau anak penyu di kawasan pantai," ujarnya.

Dalam pada itu, katanya, kehadiran penyu yang mendarat di kawasan ini membuktikan pantai-pantai di Port Dickson bersih serta sangat sesuai untuk dikunjungi orang ramai.

Terdapat dua spesies penyu yang mendarat di pantai-pantai Port Dickson, iaitu penyu karah dan penyu agar.

Sementara itu, Ketua Kelab Pusat Penetasan Penyu Glory, Hishamudin Abdul Manaf berkata, sebanyak 13,000 anak penyu berjaya dilepaskan di situ sejak dibuka 13 tahun lalu.

Bagaimanapun, menurut beliau, daripada jumlah tersebut kebiasaannya hanya satu daripada 1,000 ekor yang dilepaskan berjaya hidup memandangkan risiko kematian bagi anak penyu adalah agak tinggi.

Katanya lagi, semasa di laut pula, penyu berisiko untuk mati disebabkan pencemaran plastik kerana menyangkakan bahan tersebut merupakan makanan

mereka, iaitu obor-obor.

"Tugas saya adalah memantau penyu mendarat dan memastikan kawasan penyu naik untuk bertelur tiada gangguan manusia ataupun menyelamatkan telur berkenaan daripada ancaman binatang seperti anjing dan biawak."

"Kebiasaannya penyu bertelur sekitar 800 hingga 1,500 biji setahun di pantai di sini, iaitu dari April hingga Disember. Kawasan-kawasan di sini yang kebiasaannya menjadi tempat penyu bertelur adalah di pantai Hotel Glory Beach Resort, pantai Tanjung Gemuk dan pantai Bagan Pinang," katanya lagi.